

Headline	Usah hanya tahu berkokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	45	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,955



Usah hanya tahu 'berkokok'

Zahir ingatkan Syed Azmir MSN sudah banyak bantu PSM

Oleh Hussain Said

hussain@bharian.com.my

JANGAN hanya tahu 'berkokok'! Itulah ingatan bekas pe-rejam terbilang, Zahir Awang kepada Setiausaha Kehormat Persatuan Sepak Takraw Perlis (PSTPs), Syed Azmir Syed Ahmad yang hanya menyalahkan Majlis Sukan Negara (MSN) di sebalik prestasi buruk skuad sepak takraw negara di Sukan SEA XXVI November lalu.

"Kita mengalu-alukan cadangan daripada mana-mana pihak untuk memulihkan kembali skuad negara,

tetapi jangan hanya menyalahkan MSN yang sudah terbukti banyak membantu Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) dalam membangunkan dan membentuk skuad negara.

"Bagi saya dia hanya pandai ber-kata-kata dan berselindung di sebalik kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dan Sijil Perguruan Khas Pendidikan Jasmani Kesihatan yang dimilikinya, tetapi jika mahu memperkatakan mengenai sepak takraw di Perlis, tiada apa yang boleh dibanggakan.

"Bagaimana pembangunan sepak takraw di Perlis dan berapa ramai bintang yang sudah dilahirkan PSTPs untuk mewakili negara?" kata Zahir.

Zahir yang sudah tinggal di Perlis sejak 13 tahun lalu juga hairan bagaimana Syed Azmir hanya menyalahkan MSN di sebalik tindakan mengambil dua bekas pemain Thailand menjadi perunding kepada skuad negara.

"Saya difahamkan tindakan mengambil dua perunding itu atas persetujuan bersama antara MSN dan PSM. Adakah perkara itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat Majlis PSM?," soal Zahir yang kini membimbing skuad Sukan Malaysia (SUKMA) Kedah dan Universiti

Utara Malaysia (UUM).

Syed Azmir yang juga ahli Majlis PSM dalam laporannya berhubung prestasi buruk skuad negara menyalahkan MSN di sebalik kelemahan mental pemain kerana tidak

Headline	Usah hanya tahu berkokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	45	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,955

melantik pakar psikologi dalam bidang psikologi sukan sebaliknya hanya berkelulusan kaunseling. Dia turut menyalahkan MSN kerana kegagalan dalam mengenal pasti dan memilih dua perunding dari Thailand dengan mempersoalkan kelulusan dari segi kejurulatihan dan pencapaian akademik mereka sehingga diangkat MSN untuk memperbaiki sepak takraw negara.